



PRU15: 18 dan 19 November cuti bergaji - MEF

Oleh Irah Hafiz Aziz

November 15, 2022 @ 12:46pm

KUALA LUMPUR: Mana-mana cuti umum yang diisytiharkan mengikut Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 perlu dipatuhi sebagai cuti bergaji mengikut peruntukan Seksyen 60D(1)(b) Akta Kerja 1955.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata peruntukan itu menyatakan, setiap pekerja berhak mendapat cuti bergaji pada kadar biasa dibayar pada hari-hari berikutnya dalam mana-mana satu tahun kalendar.

"Seksyen 60D(1)(a); pada 11 hari kelepasan yang diwartakan dengan lima daripadanya adalah Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Hari Keputeraan Sultan atau Yang di-pertua Negeri (pekerja sepenuhnya atau sebahagian besarnya bekerja di bawahnya kontrak perkhidmatan), Hari Wilayah Persekutuan (jika pekerja sepenuhnya atau terutamanya bekerja di Wilayah Persekutuan), Hari Pekerja dan Hari Malaysia.

"Bagi Seksyen 60D(1)(b); pada mana-mana hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am untuk tahun tertentu di bawah Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369]," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan hari kelepasan am pada 18 dan 19 November ini bagi memudahkan Keluarga Malaysia menunaikan tanggungjawab masing-masing untuk mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Beliau berkata, pengumuman hari kelepasan am dua hari itu dibuat berikutan ada kemungkinan syarikat swasta beroperasi pada Sabtu.

Syed Hussain berkata, majikan di Semenanjung dan Labuan perlu mematuhi 18 dan 19 November ini sebagai hari kelepasan am, mereka boleh menggantikan setiap hari kelepasan itu dengan mana-mana hari lain mengikut peruntukan Seksyen 60D(1A) .

"Tidak ada keperluan untuk majikan mendapatkan persetujuan pekerja bagi tujuan penggantian. Seksyen 60D(1A) yang menyatakan, 'majikan boleh memberikan pekerja itu pada hari lain sebagai hari kelepasan berbayar sebagai menggantikan mana-mana cuti umum yang dirujuk subseksyen (1)(b)'.

"Di Sabah dan Sarawak, status cuti umum dua hari itu bergantung kepada kerajaan negeri masing-masing. Ia diperuntukkan di bawah seksyen 103(1)(b) daripada Ordinan Buruh Sabah dan Seksyen 104(1)(b) Sarawak. Ordinan Buruh, yang mempunyai peruntukan yang serupa seperti Seksyen 60D(1)(b)," katanya.

Beliau berkata, sekiranya cuti umum itu jatuh pada hari rehat atau mana-mana hari kelepasan am yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), maka ia hendaklah menjadi hari kelepasan berbayar.

"Oleh itu jika Jumaat (18 November) atau Sabtu (19 November) adalah hari rehat atau hari kelepasan am di mana-mana negeri di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan, hari bekerja selepas serta-merta hari rehat atau hari kelepasan am lain hendaklah menjadi hari kelepasan bergaji," katanya.